



UNTUK SIARAN SEGERA

LBS BINA GROUP DINOBAT ANUGERAH SYARIKAT PENGURUSAN TERBAIK MALAYSIA UNTUK TAHUN KETIGA BERTURUT-TURUT

Petaling Jaya, 23 Ogos 2024 – LBS Bina Group Berhad ("LBS" atau "Kumpulan"), Pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, sukacitanya mengumumkan bahawa Kumpulan telah diiktiraf sebagai salah sebuah Syarikat Pengurusan Terbaik Malaysia untuk tahun ketiga berturut-turut, pada majlis yang berlangsung di Le Meridien, Kuala Lumpur. Anugerah berprestij ini, dianugerahkan oleh Deloitte Private, untuk mengangkat martabat syarikat-syarikat di Malaysia atas kecemerlangan tadbir urus organisasi, pertumbuhan berterusan, dan keutuhan semangat keusahawanan. Anugerah ini dianggap unggul di kalangan komuniti perniagaan dan pelaburan berikutnya penerima anugerah dinilai oleh panel-panel industri tersohor negara.

Pengiktirafan terhadap LBS merupakan bukti dedikasi keteguhan terhadap kecemerlangan operasi, prestasi kewangan, dan kemajuan yang lestari. Anugerah ini turut menggariskan perjalanan transformatif Kumpulan seperti yang tertera di slogan korporatnya, "Believe, Become, Behold". Di bawah hala tuju strategik yang jelas selain kepimpinan kukuh LBS, memastikan Kumpulan membuat keputusan korporat yang bermaklumat sekaligus memacu visinya untuk menjadi pemaju terkemuka di samping mencipta ruang yang memberi inspirasi dengan fokus khusus kepada komuniti.

Kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan yang berkualiti tinggi LBS dapat dilihat melalui kadar pertumbuhan tahunan kompaun pendapatan selama 3 tahun, iaitu sebanyak 18.6% pasca-COVID dari 2020 hingga 2023, yang melebihi kadar 10.1% sebelum COVID dari 2016 hingga 2019. Bagi tahun akhir kewangan 2023, Kumpulan mencatatkan jumlah hasil tertinggi pernah dicapai sebanyak RM1.8 bilion, dengan keuntungan selepas cukai meningkat sebanyak 9.7% dari tahun ke tahun kepada RM141.0 juta, yang menghasilkan pendapatan setiap saham sebanyak 7.75 sen.

LBS turut menyerlah dan mencapai kemajuan yang ketara apabila menerajui penerbitan Sukuk Wakalah SRI Sosial ASEAN dalam sektor harta tanah Malaysia dengan penilaian AA-is,

yang memperkuuh kekuatan kewangannya serta komitmen terhadap perumahan mampu milik yang mampan. Kumpulan ini juga memberi keutamaan kepada kepelbagaian lembaga pengarah, dengan mencapai 38% perwakilan wanita dan 50% komposisi lembaga pengarah bebas. Selaras dengan matlamat alam sekitarnya untuk amalan perniagaan yang lebih bersih dan bertanggungjawab, LBS telah melaksanakan penyelesaian tenaga solar dan sistem pengurusan sisa yang kukuh di seluruh operasinya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan LBS, Datuk Wira Joey Lim Hock Guan, telah menerima anugerah tersebut daripada CEO Deloitte Malaysia, Yee Wing Peng.

Datuk Wira Joey Lim berkata, “Kepercayaan kami untuk menerajui hari-hari mendatang telah mendorong kami untuk melangkaui sempadan dan mengatasi cabaran untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Dengan pengiktirafan dan terpilih di kalangan kumpulan syarikat yang sangat kompetitif, LBS amat berbangga untuk menerima anugerah berprestij ini bagi tahun ketiga berturut-turut, kerana ini mengesahkan kejayaan transformasi Kumpulan, dengan penanda aras perkembangan portfolio dan penyesuaian terhadap cabaran pasaran. Komitmen kami untuk meningkatkan nilai pemegang saham juga jelas melalui pembayaran dividen 2.7 sen setiap saham, atau RM41.6 juta, pada tahun 2023, melebihi polisi dividen kami sebanyak 30% daripada PATMI,”

“Pencapaian kami merupakan terjemahan daripada usaha berterusan dan dedikasi pasukan. Dengan lebih 1,000 orang kakitangan, sumbangan dan kerja keras mereka adalah pemangkin utama kejayaan Kumpulan. Kami memupuk budaya kemajuan berterusan dengan mengutamakan pembangunan profesional kakitangan kami untuk membentuk barisan pemimpin masa hadapan yang kukuh. Dalam perkembangan seterusnya bagi memanfaatkan kekuatan pasukan, trajektori pertumbuhan LBS akan terus konsisten dengan fokus terhadap pengukuhan model perniagaan teras di dalam menyediakan kualiti tinggi, mampu milik, dan saling berhubung kepada komuniti.” tambah beliau.

Mengulas anugerah yang diterima, Pengarah Eksekutif LBS, Dato’ Cynthia Lim, berkata, “LBS komited terhadap pertumbuhan lestari. Tekad memupuk asas integriti, di samping akauntabiliti kemajuan yang berterusan, adalah selaras dengan misi syarikat untuk mewujudkan komuniti yang berkembang maju. Sebagai pemaju terkemuka pilihan rakyat, kami komited untuk membina perbandaran inovatif, di samping memperkayakan kehidupan dan menyumbang kepada masa depan yang lebih baik untuk komuniti kami. Kami optimis bahawa pengiktiran Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik Deloitte dari 2022 hingga 2024 mengesahkan

kejayaan kami dalam melaksanakan visi transformatif, seperti yang ditunjukkan melalui portfolio kami yang semakin meningkat."

Dato' Cynthia Lim menekankan komitmen Kumpulan terhadap prinsip alam sekitar, sosial, dan tadbir urus. Beliau menggariskan kepentingan penyertaan LBS dalam indeks FTSE4Good Bursa Malaysia sebagai bukti dedikasi syarikat terhadap kelestarian. Melangkah ke hadapan, LBS akan terus memberi tumpuan kepada kelestarian holistik, berusaha untuk melebihi jangkaan pihak berkepentingan dengan projek yang berkualiti tinggi dan mampan.

-Tamat-